Perkembangan Monetari dan Fiskal

66-68 Dasar Monetari pada Tahun 2003
67 *Rencana: Pernyataan Dasar Monetari*
68-74 Perkembangan Monetari pada Tahun 2003
75-76 Perkembangan Kadar Pertukaran Mata Wang
76-84 Dasar dan Operasi Fiskal

Perkembangan Monetari dan Fiskal

DASAR MONETARI PADA TAHUN 2003

Pada tahun 2003, Bank Negara Malaysia mengekalkan dasar monetari yang akomodatif untuk menyokong pertumbuhan. Ini disebabkan penilaian pada awal tahun 2003 menunjukkan ekonomi beroperasi di bawah paras potensi. Dalam keadaan tekanan ke atas permintaan yang hampir tiada dan kapasiti berlebihan dalam kebanyakan sektor, inflasi dijangka kekal rendah pada tahun 2003 dengan jurang keluaran yang positif. Oleh itu, dasar monetari yang akomodatif memperkukuhkan dasar fiskal dan langkah-langkah lain yang bertujuan untuk merangsang aktiviti ekonomi dalam negeri. Inflasi yang rendah dan asas ekonomi yang lebih mantap memberikan fleksibiliti kepada Bank Negara Malaysia untuk mengekalkan teras dasar monetari yang akomodatif ini. Sepanjang tahun 2003, usaha juga diperhebatkan untuk meningkatkan akses pembiayaan kepada sektor swasta, terutamanya bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Dasar monetari kekal akomodatif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dengan inflasi yang rendah dan stabil.

Rangka kerja monetari pada tahun 2003 terus beroperasi di bawah rejim kadar pertukaran tetap. Nilai ringgit kekal pada RM3.80=AS$1, penetapan yang dibuat semenjak September 1998. Pada tahun 2003, nilai ringgit masih hampir pada nilai yang berpatutan dan disokong sepenuhnya oleh asas ekonomi yang bertambah kukuh.

Pada tahun 2003, kadar dasar Bank Negara Malaysia, iaitu kadar campur tangan 3 bulan, telah diturunkan sekali pada 21 Mei. Dasar kadar faedah pada suku pertama ditentukan berdasarkan dua pertimbangan. Pertama, penurunan kadar faedah secara kumulatif sebanyak 600 mata asas semenjak tahun 1998 menyebabkan kadar faedah yang lebih rendah dan mudah tunai yang mencukupi. Keadaan mudah tunai dalam sistem perbankan meningkatkan daya saing di kalangan bank untuk menawarkan kadar pinjaman yang lebih rendah daripada kadar berian pinjaman asas yang disebut. Kadar pinjaman yang lebih rendah ini berkesan meningkatkan permintaan kredit. Dalam keadaan guna tenaga yang stabil dan pendapatan yang semakin bertambah, disokong oleh harga komoditi yang lebih tinggi serta prestasi yang memberangsangkan dalam beberapa sektor eksport terpilih, dasar monetari yang akomodatif memperteguhkan dasar fiskal bagi mengekalkan permintaan dalam negeri. Pertumbuhan permintaan dalam negeri dicerminkan oleh penunjuk agregat monetari dan pinjaman bank yang lebih baik pada suku pertama. Pinjaman yang lebih tinggi juga dapat dilihat dalam pinjaman yang disalurkan kepada peniaga kecil.

Kedua, pertimbangan penting yang diambil untuk mengekalkan kadar dasar pada suku pertama adalah bagi memastikan pulangan yang berpatutan kepada penabung. Dalam suasana mudah tunai yang mencukupi, usaha mengekalkan pulangan yang berpatutan kepada penabung tetap diberi pertimbangan yang utama. Pada tempoh ini, sentimen pengguna dan peniaga terjejas berikutan ketidakpastian akibat ketegangan sebelum perang Iraq dan ketidakpastian terus meningkat berikutan tersebarnya wabak Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) pada bulan April. Oleh itu, teras dasar monetari pada awal tahun 2003 bertujuan menyeimbangkan keperluan untuk menggalakkan penggunaan dan pelaburan di samping mengekalkan kadar pulangan benar yang berpatutan ke atas tabungan.

Walau bagaimanapun, menjelang pertengahan tahun 2003, perkembangan ekonomi serantau dan global menunjukkan risiko yang meningkat bagi prospek pertumbuhan. Penunjuk ekonomi dan kewangan mencerminkan pemulihan ekonomi global yang lebih perlahan daripada jangkaan. Pertumbuhan di Amerika Syarikat kekal jauh di bawah paras trend yang diperlihatkan pada separuh tahun pertama disebabkan pelaburan yang merosot. Pemulihan ekonomi global diramal lebih sederhana pada tahun 2003 berikutan kebimbangan terhadap deflasi dan ketidaktentuan yang berterusan dalam pasaran kewangan. Prospek ekonomi global yang terjejas dan kesan wabak SARS ke atas beberapa sektor menggugat permintaan dalam negeri dan meningkatkan risiko terhadap pemulihan ekonomi di Malaysia. Oleh itu, pada 21 Mei, Bank Negara Malaysia menurunkan

kadar dasar sebanyak 50 mata asas kepada 4.5% sebagai langkah awalan untuk mengurangkan kesan daripada perkembangan luar negeri yang lebih terjejas ke atas ekonomi negara.

Kesan wabak SARS ke atas pemulihan ekonomi dijangka hanya sementara. Kesannya tertumpu terutamanya pada subsektor dalam sektor perkhidmatan seperti pelancongan, pengangkutan dan perkhidmatan runcit. Bagi mengurangkan beban industri yang terjejas dan pekerja dalam sektor tersebut, langkah-langkah lain dilaksanakan termasuk memperkenalkan skim Kemudahan Jaminan Bantuan Khas berjumlah RM1 bilion serta bantuan khas bagi pembayaran semula pinjaman perumahan untuk pekerja-pekerja dalam sektor yang terbabit. Langkah-langkah khusus ini adalah sebahagian daripada pakej keseluruhan yang diperkenalkan pada 21 Mei bagi menangani kesan wabak SARS ke atas ekonomi seterusnya merangsang perubahan struktur. Langkah-langkah yang dilaksanakan termasuk menurunkan kadar faedah sebagai satu pakej yang menyeluruh untuk memberi kesan maksimum kepada pakej.

Langkah-langkah dasar yang diselaras menggalakkan dan memperkukuhkan pemulihan ekonomi pada separuh tahun kedua apabila momentum pertumbuhan global dan serantau mula meningkat. Beberapa perkembangan positif di luar negeri turut menyokong dasar dalam negeri. Ketidakpastian geopolitik yang semakin reda di Timur Tengah serta pemulihan kesan wabak SARS menyebabkan sentimen pengguna dan peniaga bertambah kukuh pada suku ketiga. Arah aliran yang memberangsangkan dicatat pada suku ketiga, dengan penunjuk memperlihatkan pertumbuhan ekonomi global yang semakin kukuh. Pertumbuhan di Amerika Syarikat pada suku ketiga melonjak jauh melebihi paras trend berikutan pemulihan dalam pelaburan serta peningkatan dalam inventori. Di dalam negeri,

Pernyataan Dasar Monetari

Satu perkembangan penting pada tahun ini adalah penerbitan Pernyataan Dasar Monetari (PDM) oleh Bank Negara Malaysia mengikut jadual yang telah ditetapkan. Pada 27 Ogos 2003, Bank Negara Malaysia menerbitkan PDM yang pertama, serentak dengan pengumuman data KDNK bagi suku kedua. PDM yang kedua diterbitkan semasa pengumuman data KDNK bagi suku ketiga pada 19 November 2003 dan data KDNK bagi suku keempat pada 25 Februari 2004.

PDM adalah pernyataan berpandangan ke hadapan yang menggariskan teras dasar monetari bagi jangka masa terdekat serta rasional dasar tersebut. Pernyataan ini adalah sebahagian daripada keseluruhan strategi yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman tentang objektif dan langkah-langkah dasar monetari memandangkan persekitaran yang lebih kompleks dan lebih dinamik. Ia juga membantu terutamanya dalam membuat jangkaan mengenai pertumbuhan dan inflasi. Penyampaian isyarat mengenai objektif dasar Bank Negara Malaysia menerusi komunikasi secara langsung bertujuan meningkatkan pemahaman dan penerimaan oleh peserta pasaran wang. Ini memudahkan penghantaran kadar dasar yang lebih cepat bagi mengubah kadar tawaran pinjaman dan kadar jangka panjang. Oleh itu, ia dapat meningkatkan kecekapan mekanisme penghantaran kewangan. PDM diterbitkan empat kali setahun dan diumumkan serentak dengan pengumuman prestasi KDNK Malaysia pada setiap suku tahun. Walau bagaimanapun, pernyataan akhbar tambahan akan dibuat jika terdapat perubahan ke atas dasar di antara tarikh yang ditetapkan.

Penerbitan PDM adalah sebahagian daripada proses yang berterusan untuk meningkatkan pemahaman pasaran berhubung penilaian Bank Negara Malaysia mengenai ekonomi dan kewangan, serta operasi dan objektif dasar. Semenjak tahun 1998, Bank Negara Malaysia telah menyalurkan rangkaian maklumat yang lebih luas, termasuk antaranya maklumat dalam talian mengenai unjuran harian mudah tunai dan operasi harian pasaran wang. Ini bertujuan untuk memastikan maklumat yang simetri kepada orang awam. Semenjak beberapa tahun yang lalu, terdapat peningkatan yang ketara mengenai liputan maklumat yang dibuat melalui laman web Bank Negara Malaysia dan juga pengurangan lat masa untuk menyiarkan data kepada orang awam.

kadar faedah yang lebih rendah dan keadaan sentimen yang bertambah baik, mendorong meningkatkan permintaan kredit. Permintaan pembiayaan yang sederhana pada bulan Mei disebabkan ketidaktentuan akibat wabak SARS, pulih dengan ketara semenjak bulan Jun. Penunjuk monetari bagi separuh tahun kedua juga meningkat pada kadar yang lebih pesat mencerminkan permintaan mudah tunai yang lebih tinggi. Secara keseluruhan, dasar monetari yang akomodatif memperkukuhkan dasar lain bagi menyumbang kepada pertumbuhan keluaran yang lebih tinggi. Secara keseluruhan, pertumbuhan KDNK benar meningkat dengan kukuh kepada 5.2% pada tahun 2003 dengan momentum pertumbuhan kekal mapan pada tahun 2004. Inflasi terus berada pada paras yang rendah sebanyak 1.2%, sementara inflasi teras, iaitu inflasi yang berpunca daripada tekanan permintaan, adalah lebih rendah sebanyak 0.6%.

PERKEMBANGAN MONETARI PADA TAHUN 2003

Pada tahun 2003, kadar faedah yang rendah, mudah tunai yang mencukupi dan sektor perbankan yang kukuh menyokong aktiviti ekonomi. Dana yang terdapat dalam sistem perbankan meningkat pada tahun tersebut, berikutan operasi fiskal yang mengembang dan kedudukan imbangan pembayaran yang lebih kukuh. Keadaan mudah tunai yang mencukupi terus menyebabkan harga pinjaman yang kompetitif bagi sektor terpilih.

Berikutan penurunan sebanyak 50 mata asas dalam kadar dasar pada bulan Mei, kadar berian pinjaman institusi perbankan terus menurun. Bank perdagangan menurunkan kadar berian pinjaman asas (BLR) sebanyak 39 mata asas. Memandangkan komponen pinjaman baru berkos rendah meningkat

Jadual 2.1
Kadar Faedah dan Mudah Tunai

	2000	2001	2002	2003	2003
	Pada akhir tempoh (%)				Perubahan (%)
Kadar Campur Tangan 3 bulan	5.5	5.0	5.0	4.5	-0.5
Kadar faedah antara bank					
Semalaman	2.77	2.76	2.71	2.72	0.01
1 bulan	3.05	2.97	2.99	2.99	0.00
Kadar berian pinjaman asas (BLR)					
Bank perdagangan	6.78	6.39	6.39	6.00	-0.39
Syarikat kewangan	7.95	7.45	7.45	6.90	-0.55
Kadar purata berian pinjaman (ALR)					
Bank perdagangan	7.46	6.67	6.50	6.11	-0.39
Syarikat kewangan	11.14	10.24	9.75	9.11	-0.64
Kadar deposit tetap					
Bank perdagangan					
3 bulan	3.48	3.21	3.20	3.00	-0.20
12 bulan	4.24	4.00	4.00	3.70	-0.30
Syarikat kewangan					
3 bulan	3.52	3.22	3.20	3.00	-0.20
12 bulan	4.27	4.01	4.00	3.68	-0.32
Kadar deposit tabungan					
Bank perdagangan	2.72	2.28	2.12	1.86	-0.26
Syarikat kewangan	3.44	2.94	2.65	2.18	-0.47
	Purata pada tempoh (%)				Perubahan (%)
Perbezaan kadar faedah nominal					
Malaysia - Amerika Syarikat	-3.32	-0.49	1.31	1.66	0.35
Malaysia - Singapura	0.73	1.31	2.23	2.27	0.04
	Pada akhir tempoh (RM bilion)				Perubahan (RM b)
Lebihan (+)/jurang (-) sumber[1]	73.7	67.4	76.2	105.8	29.6
Lebihan (+)/jurang (-) sumber terlaras[2]	36.1	20.8	24.6	45.8	21.2
	Pada akhir tempoh (%)				Perubahan (%)
Nisbah pinjaman-deposit	84.3	85.9	84.9	80.9	-4.0
Nisbah pembiayaan-deposit[3]	92.3	95.7	95.1	91.7	-3.4

[1] Deposit tolak pinjaman.
[2] Deposit tolak pinjaman dan pegangan sekuriti hutang swasta.
[3] Termasuk pegangan sekuriti hutang swasta.

Graf 2.1
Kadar Faedah Pinjaman: Bank Perdagangan dan Syarikat Kewangan



berbanding dengan pinjaman sedia ada, kadar purata berian pinjaman (ALR) terus menurun, dan lebih sengit untuk pinjaman dalam pasaran kereta penumpang.

Kadar deposit menurun pada margin yang lebih kecil, dengan kadar deposit satu bulan hingga 12 bulan bank perdagangan menurun sebanyak 20 hingga 30 mata asas. Walaupun kadar deposit nominal menurun, kadar pulangan benar (kadar pulangan nominal pada akhir tahun tolak kadar inflasi) bagi deposit dengan bank perdagangan adalah lebih tinggi pada akhir tahun 2003, pada paras 0.66% bagi deposit tabungan (0.42% pada akhir tahun 2002) dan dalam julat 1.8% untuk deposit tetap 3 bulan hingga 2.5% untuk tempoh matang 12 bulan (masing-masing 1.5% dan 2.3% pada akhir tahun 2002). Deposit tabungan dan deposit tetap individu meningkat sebanyak 8.8% pada tahun 2003 dan kekal stabil pada tahap 57% daripada KDNK pada akhir tahun 2003. Berikutan

Keadaan monetari kekal menyokong perkembangan ekonomi. Kadar faedah yang rendah, keadaan mudah tunai yang mencukupi dan sektor perbankan yang kukuh menyumbang kepada peningkatan dalam pembiayaan kepada sektor swasta.

pada akhir tahun mencatat 39 mata asas di bawah paras yang dicatat pada akhir tahun 2002. Sementara BLR syarikat kewangan menurun sebanyak 55 mata asas, ALR syarikat kewangan menurun dengan magnitud yang lebih ketara iaitu sebanyak 64 mata asas disebabkan kadar tetap bagi sewa beli kereta penumpang yang menunjukkan trend yang menurun. Kadar sewa beli yang lebih rendah disebabkan persaingan yang aliran tunai yang ketara bertambah baik, jumlah deposit perusahaan perniagaan meningkat dengan ketara, iaitu sebanyak 14.9% dan sebagai peratus daripada KDNK meningkat kepada 46.9% pada akhir tahun 2003 (44.4% pada akhir tahun 2002).

Dari segi piawaian antarabangsa, kadar berian pinjaman di Malaysia kekal kompetitif, dan tebaran

Graf 2.2
Perbandingan Kadar Faedah Antarabangsa pada akhir tahun 2003



Graf 2.3
Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



antara kadar berian pinjaman dan kadar deposit merupakan antara yang terendah.

Kadar faedah yang rendah, dalam suasana pendapatan boleh guna yang lebih tinggi, terutamanya pada separuh tahun yang kedua, mendorong permintaan pembiayaan oleh sektor swasta daripada sektor perbankan dan pasaran modal bagi membiayai penggunaan dan pengembangan perniagaan. Di samping itu, sejumlah dana yang besar juga diperoleh oleh perniagaan dalam pasaran sekuriti hutang swasta (PDS) untuk menstruktur semula dan membiayai semula hutang, dan mengukuhkan kunci kira-kira serta bersiap sedia untuk peluang pelaburan pada masa hadapan. Secara keseluruhan, pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan untuk modal kerja, pembiayaan perdagangan dan pelaburan tetap, serta dana yang diperoleh daripada pasaran modal meningkat sebanyak 9% berbanding tahun lepas. Sementara sistem perbankan kekal sebagai sumber pembiayaan ekonomi yang utama, terdapat kepelbagaian yang kian meningkat dalam sumber pembiayaan. Pengeluaran pinjaman oleh sistem perbankan yang meningkat sebanyak 7.3%, mencakupi 89.7% daripada jumlah pembiayaan kasar pada tahun 2003 sementara dana yang diperoleh daripada pasaran modal meningkat dengan lebih tinggi sebanyak 26.6% untuk mencakupi bahagian kecil iaitu 10.3% daripada pembiayaan untuk sektor swasta.

Kejayaan langkah-langkah untuk menggalakkan pertumbuhan dan kedalaman dalam pasaran PDS

Jadual 2.2
Sistem Perbankan[1]: Penunjuk Pinjaman

	Pada tahun (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)		
	2000	2001	2002	2003	2001	2002	2003
Jumlah							
Permohonan pinjaman	208.8	190.6	217.2	227.6	-8.7	14.0	4.8
Kelulusan pinjaman	134.8	125.6	137.6	152.7	-6.8	9.5	11.0
Pengeluaran pinjaman	360.7	373.5	411.6	441.7	3.5	10.2	7.3
Pembayaran balik pinjaman	347.1	365.4	402.7	430.5	5.3	10.2	6.9
Perubahan dalam pinjaman terkumpul[2]	21.2	16.1	19.8	21.8	3.9	4.6	4.8
Perusahaan perniagaan							
Permohonan pinjaman	t.d.	t.d.	135.3	124.9	t.d.	t.d.	-7.7
Kelulusan pinjaman	79.1	63.5	68.5	77.2	-19.7	7.9	12.7
Pengeluaran pinjaman	270.2	270.4	282.0	303.4	0.1	4.3	7.6
Pembayaran balik pinjaman	269.4	276.8	275.8	299.6	2.8	-0.4	8.6
Perubahan dalam pinjaman terkumpul[2]	2.0	-5.6	-3.1	-5.1	-2.5	-1.4	-2.3
PKS							
Permohonan pinjaman	t.d.	t.d.	t.d.	44.5	t.d.	t.d.	t.d.
Kelulusan pinjaman	t.d.	t.d.	t.d.	25.7	t.d.	t.d.	t.d.
Pengeluaran pinjaman	t.d.	t.d.	t.d.	87.1	t.d.	t.d.	t.d.
Perubahan dalam pinjaman terkumpul[2]	2.9	4.0	...	7.4	5.7	...	10.0
Perusahaan perniagaan lain							
Permohonan pinjaman	t.d.	t.d.	t.d.	80.4	t.d.	t.d.	t.d.
Kelulusan pinjaman	t.d.	t.d.	t.d.	51.5	t.d.	t.d.	t.d.
Pengeluaran pinjaman	t.d.	t.d.	t.d.	216.4	t.d.	t.d.	t.d.
Perubahan dalam pinjaman terkumpul[2]	-0.9	-9.6	-3.1	-12.5	-6.1	-2.1	-8.7
Isi rumah							
Permohonan pinjaman	t.d.	t.d.	81.9	98.5	t.d.	t.d.	20.2
Kelulusan pinjaman	53.1	59.2	66.9	72.0	11.5	13.0	7.6
Pengeluaran pinjaman	76.0	87.0	105.1	114.5	14.5	20.8	8.9
Pembayaran balik pinjaman	65.1	71.5	83.7	94.1	9.9	17.0	12.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul[2]	17.1	23.1	26.2	26.2	14.8	14.7	12.8

[1] Termasuk bank-bank Islam.
[2] Pertumbuhan tahunan adalah untuk pinjaman terkumpul pada akhir tempoh.
t.d. Tidak diperolehi.

Jadual 2.3
Tabung-tabung Khas untuk PKS yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia

Jenis Tabung	RM juta					%	
	Peruntukan	Kelulusan	Pengeluaran	Bayaran Balik	Pinjaman Terkumpul	Kadar Penggunaan[2]	Nisbah bahagian pinjaman belum dikeluarkan kepada jumlah kelulusan
	Pada akhir tahun 2003						
Tabung Untuk Makanan	1300.0	1410.8	1298.8	600.8	698.0	108.5	7.9
Tabung Usahawan Baru 2	1150.0	1077.2	806.7	36.1	770.6	93.7	25.1
Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2	2000.0	2284.9	1588.4	177.9	1410.4	114.2	30.5
Tabung Projek Usahawan Bumiputera	300.0	437.7	361.5	269.1	92.4	145.9	17.4
Kemudahan Jaminan Khas[1]	1000.0	40.3	0.0	0.0	0.0	4.0	100.0
Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil	800.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0	0.0
Jumlah	**6550.0**	**5250.9**	**4055.4**	**1083.9**	**2971.4**	**80.2**	**22.8**
	Perubahan sejak akhir tahun 2002						
Tabung Untuk Makanan	0.0	115.1	174.4	152.8	23.5		
Tabung Usahawan Baru 2	650.0	425.0	480.9	26.6	454.2		
Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2	1350.0	1236.0	1078.2	124.3	953.7		
Tabung Projek Usahawan Bumiputera	0.0	121.0	104.1	122.7	-18.5		
Kemudahan Jaminan Khas[1]	1000.0	40.3	0.0	0.0	0.0		
Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil	800.0	0.0	0.0	0.0	0.0		
Jumlah	**3800.0**	**1937.4**	**1837.6**	**426.4**	**1412.9**		

[1] Ini hanya sebuah tabung jaminan.
[2] Peratusan bahagian jumlah kelulusan pinjaman kepada jumlah peruntukan tabung.

dicerminkan dalam peningkatan nisbah PDS terkumpul sebagai peratus KDNK kepada 34.7% pada akhir tahun 2003, sementara nisbah pinjaman bank kepada KDNK menurun kepada 120.9%. Ini adalah perkembangan yang ketara berbanding dengan paras pada tahun 1998 (PDS sebanyak 16.5% kepada KDNK dan pinjaman sistem perbankan sebanyak 147.2% kepada KDNK). Pada tahun 2003, perusahaan perniagaan dengan profil kredit yang kukuh mengambil kesempatan daripada keadaan kadar faedah yang rendah untuk memperoleh dana dalam bentuk PDS berjangka panjang. Oleh itu, pembiayaan kasar melalui PDS meningkat dengan ketara iaitu sebanyak 60.5% pada tahun 2003 (-15.4% pada tahun 2002).

Dengan pengembangan dalam pasaran PDS, institusi perbankan juga meningkatkan pembiayaan sektor perniagaan secara tidak langsung melalui pegangan PDS, yang mencakupi kira-kira 7% daripada asas pinjaman. Secara bersih, pinjaman terkumpul dan pegangan PDS sistem perbankan meningkat sebanyak 5.9%. Pertambahan kepelbagaian dalam sumber pembiayaan dan fokus untuk menggalakkan sumber pertumbuhan dalam negeri menyebabkan perubahan dalam profil pinjaman sistem perbankan. Dengan adanya langkah-langkah untuk meningkatkan sumbangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam ekonomi dalam negeri dan usaha untuk menggalakkan pertumbuhan penggunaan swasta secara khusus, institusi perbankan telah memberikan perhatian kepada PKS dan sektor isi rumah.

Usaha Bank Negara Malaysia untuk mengukuhkan infrastruktur pembiayaan PKS adalah unsur penting dalam menyediakan pembiayaan yang cukup dan kos efektif untuk menyokong pertumbuhan PKS. Mencerminkan perkembangan ini, pinjaman terkumpul kepada PKS telah meningkat dengan ketara sebanyak 10% pada tahun 2003 untuk mencapai RM82 bilion, paras yang paling tinggi setakat ini. Jumlah ini masing-masing merupakan 38.4% dan 17.3% daripada jumlah pinjaman terkumpul perusahaan perniagaan dan secara keseluruhan. Sementara itu, pengeluaran pinjaman kepada PKS berjumlah RM87.1 bilion. Pembiayaan PKS melalui tabung khas telah meningkat dengan ketara. Pada akhir tahun 2003, sebanyak RM5.3 bilion telah diluluskan kepada lebih daripada 14,000 peminjam. Ini merupakan peningkatan sebanyak 58.5% bagi keseluruhan tahun. Sementara itu, pengeluaran pinjaman berjumlah RM4.1 bilion. Ini merupakan peningkatan sebanyak 82.9% berbanding tahun lepas. Tidak termasuk Kemudahan Jaminan Khas (SRGF) dan Tabung Pemulihan Perniagaan Kecil (RFSB) yang baru diperkenalkan pada tahun 2003, peruntukan untuk empat tabung khas yang lain telah habis digunakan dengan kadar penggunaan sebanyak 109.7%. Dengan adanya Sistem Maklumat Pusat Rujukan Kredit (CCRIS), institusi perbankan dapat

Graf 2.4
Pengeluaran Pinjaman Mengikut Sektor: Nilai dan Bahagian



mempercepatkan pemprosesan pinjaman dan menilai daya tahan PKS, melalui profil kredit yang komprehensif dan terkini bagi semua peminjam.

Jadual 2.4
Sistem Perbankan[1]: Pinjaman Terkumpul

	Perubahan tahunan		% bahagian daripada jumlah pada akhir 2003
	2002	2003	
	RM bilion		
Pinjaman sistem perbankan kepada:			
Perusahaan perniagaan	-3.1	-5.1	45.1
Isi rumah	26.2	26.2	48.8
Mengikut sektor:			
Pertanian, kegiatan memburu, perhutanan dan perikanan	-0.1	-1.1	2.2
Perlombongan dan kuari	-0.3	0.1	0.2
Perkilangan	-1.2	-0.2	12.9
Bekalan elektrik, gas dan air	1.6	-1.7	1.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	1.0	2.1	8.3
Sektor harta benda yang luas	10.8	14.7	39.8
Pembinaan	*-1.7*	*-2.7*	*6.2*
Pembelian rumah kediaman	*14.2*	*16.2*	*24.6*
Pembelian rumah bukan kediaman	*...*	*1.1*	*6.1*
Harta tanah	*-1.6*	*...*	*2.9*
Pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan	-0.4	1.0	2.3
Perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan	-2.5	-0.6	6.2
Kredit penggunaan	12.0	8.9	18.8
di antaranya:			
Kad kredit	*1.8*	*1.6*	*2.6*
Pembelian kereta penumpang	*9.6*	*6.5*	*13.0*
Pembelian sekuriti	0.2	-1.7	4.2
Pembelian kereta pengangkutan	-0.5	0.3	0.7
Perkhidmatan masyarakat, sosial dan persendirian	-0.3	-0.7	1.0
Lain-lain	-0.4	0.9	2.3
Jumlah pinjaman yang belum dijelaskan [2]	**19.8**	**21.8**	**100.0**

[1] Termasuk bank-bank Islam.
[2] Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas.
Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan penggenapan.

Hampir separuh daripada jumlah pengeluaran pinjaman telah disalurkan kepada perusahaan perniagaan yang besar dalam sektor utama ekonomi iaitu perkilangan; perdagangan borong dan runcit; pertanian; dan sektor perkhidmatan kewangan, insurans dan perniagaan. Kelulusan pinjaman yang baru dan pengeluaran pinjaman kepada perusahaan perniagaan yang besar meningkat dengan ketara pada separuh kedua tahun 2003. Walau bagaimanapun, terdapat penurunan dalam pinjaman terkumpul perusahaan perniagaan yang besar. Kedudukan korporat yang lebih kukuh dan aliran tunai yang bertambah baik telah menyebabkan perusahaan perniagaan lebih cenderung menggunakan sumber dana dalaman untuk membiayai aktiviti perniagaan berbanding dengan pinjaman bank. Di samping itu, sebahagian besar pinjaman yang dikeluarkan adalah untuk memenuhi keperluan modal kerja jangka pendek. Hasilnya, pengeluaran pinjaman yang tinggi dipadani dengan jumlah pembayaran balik yang hampir sama. Oleh itu, kesan ke atas pinjaman terkumpul adalah neutral.

Dari segi pinjaman terkumpul, pinjaman bank kepada sektor isi rumah mengembang pada kadar tahunan yang tinggi sebanyak 12.8% pada tahun 2003. Kadar faedah yang rendah dan pakej pembiayaan kompetitif yang ditawarkan oleh institusi perbankan terus merangsang permintaan pinjaman daripada isi rumah, dengan kebanyakan pinjaman disalurkan untuk pembelian rumah kediaman. Nilai permohonan pinjaman dalam pasaran rumah kediaman meningkat sebanyak 24.8% sementara pengeluaran pinjaman meningkat sebanyak 20%.

Graf 2.5
Sistem Perbankan: Baki Kad Kredit Terkumpul (pada akhir tempoh)



Graf 2.6
Sistem Perbankan: Urus Niaga Kad Kredit



Perbelanjaan melalui kad kredit, seperti yang dicerminkan dalam pengeluaran pinjaman mengalami pertumbuhan pada kadar 20%. Baki terkumpul kad kredit meningkat sebanyak 15.5% (19.5% pada tahun 2002) kepada RM12.2 bilion, yang merupakan 2.6% daripada jumlah pinjaman terkumpul pada akhir tahun (2.3% pada akhir tahun 2002). Walaupun perbelanjaan kad kredit untuk pembelian barangan dan perkhidmatan terus meningkat, kedudukan hutang isi rumah tidak keterlaluan. Jumlah baki tertunggak mencakupi 14.1% daripada baki kad kredit terkumpul pada akhir tahun 2003. Tahap ini lebih rendah daripada purata sebanyak 14.6% bagi lima tahun yang lalu. Baki tertunggak melebihi 3 bulan juga dapat dikawal secara relatifnya pada tahap 4.4% berbanding dengan purata bagi lima tahun yang lalu sebanyak 7.2%.

Secara keseluruhan, memandangkan kebanyakan pinjaman kepada isi rumah adalah berjangka panjang, pertumbuhan yang berterusan dalam pinjaman ini telah menyebabkan peningkatan dalam bahagian pinjaman isi rumah sebagai peratus daripada jumlah pinjaman terkumpul kepada 48.8% pada akhir tahun 2003 (45% pada akhir tahun 2002) dan sebagai peratus daripada KDNK kepada 58.9%. Peratusan ini adalah hampir sama dengan kadar yang dicatat di kalangan negara serantau dan lebih rendah daripada yang dicatat di beberapa negara maju. Walaupun pendedahan isi rumah kepada hutang telah menjadi perkara yang membimbangkan di sesetengah negara, penunjuk menandakan bahawa kunci kira-kira sektor isi rumah di Malaysia kekal kukuh dan bayaran khidmat hutang turut dikekalkan dengan potensi bagi pengembangan berterusan dalam pertumbuhan penggunaan. Asas kedudukan kunci kira-kira sektor isi rumah yang kukuh disokong oleh kadar tabungan yang tinggi, peningkatan dalam pendapatan boleh guna, pasaran harta yang stabil, pasaran saham yang bertambah baik serta keadaan pasaran pekerja yang stabil. Sebagai penunjuk kedudukan hutang, nisbah deposit isi rumah kepada pinjaman kekal lebih daripada satu, menandakan sektor isi rumah terus mengumpul kekayaan. Kadar berian pinjaman yang lebih rendah juga menjadi faktor penting dalam mengekalkan kedudukan kewangan bersih sektor isi rumah dan keupayaan sektor ini untuk menunaikan bayaran khidmat hutang. Berikutan penurunan dalam kadar berian pinjaman, bayaran faedah yang dikenakan ke atas pinjaman baru adalah lebih rendah dan aktiviti pembiayaan semula juga telah meningkat. Ini membolehkan pengguna membayar balik pinjaman terdahulu yang diambil pada kos yang lebih tinggi.

Graf 2.7
Sistem Perbankan: Pinjaman kepada Isi Rumah (pada akhir tempoh)



Hutang tidak berbayar (NPL) sektor isi rumah juga kekal terurus. Sebagai bahagian daripada jumlah pinjaman kepada sektor isi rumah, nisbah kasar NPL sektor ini menurun kepada 8% pada akhir tahun 2003 (12.2% pada akhir tahun 1998 dan 8.5% pada akhir tahun 2002). Nisbah kasar NPL untuk pembelian harta kediaman kekal tidak berubah pada paras 8.7%. Kadar gagal bayar bagi pinjaman kad kredit, satu perkara yang kian membimbangkan dalam sesetengah ekonomi, telah menurun kepada tahap yang kurang daripada satu pertiga daripada kadar yang dicatat pada kemuncak krisis kewangan pada tahun 1998.

Usaha Bank Negara Malaysia untuk meningkatkan infrastruktur kewangan untuk membantu aktiviti peminjaman juga membolehkan institusi perbankan membuat penilaian risiko yang sesuai dalam aktiviti peminjaman kepada sektor isi rumah, sekali gus memelihara kualiti hutang sektor isi rumah. Langkah-langkah berasaskan risiko termasuk menubuhkan CCRIS dan memperkenalkan garis panduan kad kredit. Untuk membantu dalam penilaian risiko di kalangan institusi kredit bukan bank seperti syarikat kad caj, maklumat dalam CCRIS juga disalurkan kepada institusi ini dengan sekatan pertahanan yang sesuai untuk melindungi maklumat pengguna. Langkah-langkah berasaskan risiko ini telah menambahkan keupayaan peminjam untuk memberi pinjaman tanpa membangkitkan kelemahan dalam sektor benar dan sektor kewangan.

Sejajar dengan pembiayaan melalui sistem perbankan yang lebih tinggi, wang secara luas, M3 telah mengembang pada kadar tahunan yang lebih tinggi iaitu sebanyak 9.7% pada akhir tahun 2003 (6.7% pada akhir tahun 2002). Pertumbuhan M3 ini juga disebabkan oleh operasi luar negeri yang lebih kukuh berikutan lebihan perdagangan, pelaburan langsung luar negeri dan aliran dana portfolio yang lebih tinggi; serta operasi Kerajaan yang mengembang. Pertumbuhan M3 pada umumnya adalah seiring dengan permintaan nominal pada tahun tersebut.

Graf 2.8
Bekalan Wang: Pertumbuhan Tahunan



Dari segi komponen, baki urus niaga yang terdiri daripada mata wang dalam edaran dan deposit permintaan meningkat dengan ketara iaitu sebanyak 14.6% pada akhir tahun 2003 (10.3% pada akhir tahun 2002). Ini sejajar dengan perbelanjaan penggunaan yang lebih tinggi, urus niaga yang lebih tinggi bagi indeks komposit BSKL dan aktiviti perniagaan yang bertambah baik. Antara komponen separuh wang secara luas, peningkatan ketara adalah dalam deposit tetap dan sebahagiannya dalam repo. Peningkatan dalam deposit tetap adalah terutamanya bagi tempoh 9 hingga 12 bulan dan tersebar sepanjang tahun, mencerminkan keinginan pendeposit untuk memegang deposit tetap sebagai satu kelas aset.

Berbeza daripada tahun lepas, deposit perusahaan perniagaan mencatat peningkatan yang paling besar dan sebahagian besar adalah deposit tetap jangka pendek. Kedudukan kewangan syarikat korporat yang kukuh adalah sejajar dengan keuntungan dan aliran tunai yang bertambah baik, lebihan perdagangan yang meningkat dan pemulangan dana perolehan eksport yang lebih cepat. Sementara itu, pendapatan boleh guna individu yang lebih tinggi dan kekayaan kewangan sektor isi rumah telah dapat mengekalkan pertumbuhan deposit sektor ini yang meningkat pada kadar yang lebih tinggi pada tahun 2003 berbanding dengan tahun lepas.

Jadual 2.5
Wang Secara Luas, M3

	Perubahan (RM bilion)	
	2002	2003
M3	31.6	48.5
Mata wang	1.8	2.2
Deposit permintaan	6.7	11.2
Separuh wang secara luas	23.1	35.1
Deposit tetap	*12.6*	*17.1*
Deposit tabungan	*5.6*	*5.6*
NID	*3.6*	*2.0*
Repo	*2.5*	*8.0*
Deposit mata wang asing	*-1.2*	*2.4*
Faktor Penentu M3		
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	11.5	12.9
Tuntutan ke atas sektor swasta	27.7	32.4
Pinjaman	*19.3*	*21.7*
Sekuriti	*8.4*	*10.7*
Operasi luar bersih	1.2	19.5
Bank Negara Malaysia	*7.6*	*27.1*
Sistem perbankan	*-6.3*	*-7.6*
Pengaruh lain	-8.9	-16.3

PERKEMBANGAN KADAR PERTUKARAN MATA WANG

Pada tahun 2003, sistem kadar pertukaran mata wang asing yang menetapkan nilai ringgit pada RM3.80 bagi setiap AS$1 telah dikekalkan dengan sokongan asas-asas ekonomi yang bertambah kukuh. Rejim kadar pertukaran tetap ringgit telah memasuki tahun keenam semenjak diperkenalkan pada bulan September 1998. Dalam keadaan pasaran kadar pertukaran mata wang asing yang tidak menentu dan perdebatan mengenai kesan ketidaktentuan dalam pergerakan mata wang utama terhadap rejim kadar pertukaran tetap ringgit, ringgit terus memenuhi matlamat asalnya untuk menyokong perkembangan aktiviti perdagangan dan pelaburan di Malaysia.

ke atas dolar AS adalah paling ketara dalam mata wang utama, termasuk dolar Australia, dolar Kanada dan euro, yang meningkat nilai masing-masing sebanyak 32.7%, 21.7% dan 20% pada tahun 2003. Yen dan paun sterling meningkat nilai pada kadar yang lebih sederhana, masing-masing sebanyak 11% dan 11.1%.

Dengan rejim kadar pertukaran tetap, ringgit menyusut nilai berbanding euro (-16.7%), paun sterling (-10%) dan yen (-9.9%), selaras dengan pergerakan dolar AS pada tahun 2003. Ringgit menyusut nilai pada kadar yang lebih sederhana berbanding kebanyakan mata wang serantau dalam lingkungan 2% hingga 8%. Ringgit meningkat nilai berbanding won Korea dan peso Filipina. Ringgit kekal tidak berubah berbanding

Dalam keadaan pasaran kadar pertukaran mata wang antarabangsa yang tidak menentu, kadar pertukaran tetap ringgit terus menyediakan suasana yang stabil dan jelas bagi menggalakkan aktiviti perdagangan dan pelaburan serta menyokong perubahan struktur ekonomi Malaysia.

Perkembangan ringgit dalam pasaran pertukaran mata wang asing didorong terutamanya oleh penyusutan nilai dolar AS dan susulan daripada itu penyelarasan kebanyakan mata wang utama dan beberapa mata wang ekonomi serantau. Sepanjang tahun 2003, dolar AS dipengaruhi terutamanya oleh kebimbangan pasaran terhadap defisit akaun semasa AS yang besar dan jurang kadar faedah positif yang memihak kepada ekonomi utama yang lain. Penyelarasan susulan renminbi China dan dolar Hong Kong oleh kerana kadar pertukaran mata wang tersebut juga ditetapkan kepada dolar AS.

Walaupun pasaran pertukaran mata wang asing mengalami ketidaktentuan yang ketara, rejim kadar pertukaran tetap bagi ringgit kekal mapan dengan nilai ringgit hampir kepada paras yang berpatutan. Tiada petanda yang menunjukkan nilai ringgit tidak selaras dengan asas ekonomi.

Jadual 2.6
Perkembangan Ringgit

	RM berbanding satu unit mata wang asing[1]				Perubahan tahunan (%)		Perubahan (%)	
	1997	1998	2002	2003	2002	2003	Akhir Jun '97-Akhir Dis. 2003	2 Sep. '98 - Akhir Dis. 2003
	Akhir Jun[2]	Sep. 2[3]	Akhir Dis.					
SDR	3.5030	5.1177	5.1474	5.6264	-7.3	-8.5	-37.7	-9.0
AS$	2.5235	3.8000	3.8000	3.8000	0.0	0.0	-33.6	0.0
S$	1.7647	2.1998	2.1887	2.2342	-6.2	-2.0	-21.0	-1.5
100 yen	2.2088	2.7742	3.2020	3.5546	-9.6	-9.9	-37.9	-22.0
Paun sterling	4.1989	6.3708	6.0924	6.7678	-9.5	-10.0	-38.0	-5.9
Franc Switzerland	1.7368	2.6450	2.7386	3.0632	-16.9	-10.6	-43.3	-13.7
Euro[4]	–	–	3.9811	4.7783	-15.4	-16.7	–	–
100 Baht Thai	9.7470	9.3713	8.8096	9.5947	-2.4	-8.2	1.6	-2.3
100 Rupiah Indonesia	0.1038	0.0354	0.0425	0.0449	-14.1	-5.3	131.4	-21.1
100 Won Korea	0.2842	0.2827	0.3197	0.3180	-9.8	0.5	-10.6	-11.1
100 Peso Filipina	9.5878	8.8302	7.1462	6.8431	3.1	4.4	40.1	29.0

[1] Kadar AS$ ialah kadar purata belian dan jualan pada pukul 12.00 tengah hari di Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Antara Bank Kuala Lumpur.
Kadar bagi mata wang asing selain daripada AS$ adalah kadar silang yang diperoleh daripada kadar mata wang asing tersebut berbanding AS$ dan kadar RM/AS$.
[2] Akhir Jun 1997 merupakan tahap sebelum Krisis Kewangan Asia.
[3] Ringgit ditetapkan pada AS$1=RM3.8000 pada 2 September 1998.
[4] Euro mula diperdagangkan pada 4 Januari 1999 (EUR 1= RM4.5050).

Graf 2.9
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia berbanding Mata Wang Utama



Graf 2.10
Kadar Pertukaran Ringgit Malaysia berbanding Mata Wang Serantau Terpilih



Nota: Peningkatan indeks melambangkan peningkatan nilai mata wang tersebut berbanding ringgit.

Dari segi perkembangan dalam negeri:

- Kadar inflasi dan pengangguran kekal rendah;
- Lebihan akaun semasa dalam imbangan pembayaran kekal pada paras yang mapan;
- Pertumbuhan rizab yang berterusan sepanjang tahun 2003;
- Hutang luar negeri dikekalkan pada paras yang terkawal dengan nisbah khidmat hutang kepada eksport yang rendah; dan
- Sistem perbankan yang bermodal tinggi dan nisbah kualiti aset yang bertambah baik.

Perkembangan luar negeri tidak menjejaskan rejim kadar pertukaran Malaysia:

- Penyusutan nilai ringgit bersama dolar AS telah membantu eksport negara, justeru mengimbangi kesan ke atas import;
- Penyusutan nilai ringgit memberi kesan yang minimum kepada inflasi yang diimport kerana ringgit tidak menyusut nilai berbanding dolar AS sementara import dalam sebutan mata wang selain daripada dolar AS hanya mencakupi bahagian yang kecil daripada keseluruhan jumlah import negara. Tambahan lagi, bahagian komponen import dalam bakul IHP kekal rendah, iaitu kurang daripada 10%;
- Kesan ke atas keseluruhan hutang luar negeri dan kos khidmat hutang yang berpunca daripada penyusutan nilai ringgit adalah terkawal memandangkan hanya 23% daripada hutang luar Malaysia adalah dalam mata wang selain daripada dolar AS.

Oleh itu, penetapan nilai ringgit secara keseluruhannya terus memberi manfaat yang ketara kepada ekonomi Malaysia. Kestabilan kadar pertukaran ringgit ternyata berkesan dalam meningkatkan daya saing jangka panjang sektor korporat Malaysia dengan mewujudkan insentif bagi penyesuaian struktur untuk meningkatkan produktiviti, justeru mencerahkan lagi prospek pertumbuhan ekonomi negara pada masa hadapan.

DASAR DAN OPERASI FISKAL

Pada 20 September 2002, Kerajaan telah membentangkan bajet mengembang yang sederhana untuk tahun 2003. Oleh itu, defisit fiskal dianggarkan hanya 4% daripada KDNK, lebih rendah daripada defisit fiskal 5.6% pada tahun 2002. Ekonomi Malaysia dijangka menjadi lebih kukuh pada tahun 2003, hasil daripada pemulihan ekonomi negara-negara perindustrian utama dan pertumbuhan yang lebih kukuh di rantau ini, dengan pertumbuhan perdagangan serantau yang mapan. Bajet 2003 juga membayangkan sektor swasta akan memainkan peranan yang lebih besar bagi mengekalkan pertumbuhan yang didorong oleh aktiviti dalam negeri. Pelaburan sektor swasta diramal mencatat pertumbuhan positif disebabkan oleh kedudukan kewangan syarikat yang bertambah baik berikutan pelarasan struktur yang dilaksanakan semenjak krisis, peluang perniagaan yang terbuka dalam sektor-sektor tertentu serta persekitaran perniagaan yang semakin baik. Teras utama Bajet tahun 2003 adalah untuk menyediakan persekitaran dan insentif yang boleh merangsang sektor swasta untuk kembali berperanan sebagai enjin pertumbuhan yang utama. Oleh itu, dasar dalam Bajet tertumpu pada peningkatan insentif sokongan bagi menggalakkan penyertaan sektor swasta, terutamanya dalam bidang-bidang pertumbuhan baru.

Bajet tahun 2003 mengandungi peruntukan perbelanjaan dan juga insentif cukai bagi menjana pertumbuhan yang lebih tinggi dalam sektor yang dikenal pasti. Dari segi peruntukan bajet,

penekanan diberi pada peningkatan kualiti pendidikan dan kemahiran tenaga kerja. Insentif cukai termasuk penurunan cukai korporat bagi PKS daripada 28% kepada 20% untuk pendapatan bercukai sehingga RM100,000 dan insentif cukai bagi syarikat yang mengeluarkan mesin dan pembuatan peralatan bermotor bagi menggalakkan aktiviti bernilai tinggi dalam sektor perkilangan. Pada masa yang sama, opsyen diperkenalkan kepada pemegang taraf perintis untuk layak mendapat elaun pelaburan semula jika taraf perintis mereka diserah untuk dibatalkan. Bagi sektor pertanian, pelbagai insentif diperkenalkan untuk menggabungkan pelabur kecil, penanaman pokok kayu getah, perikanan laut dalam, pemprosesan makanan dan pemodenan penternakan ayam itik.

Pada tahun 2003, defisit fiskal sebenar adalah sebanyak 5.3% daripada KDNK disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan kitaran balas bagi menyokong pertumbuhan. Prestasi hasil kukuh pada tahun tersebut dengan pulangan yang lebih tinggi hasil daripada penjualan saham Kerajaan dalam syarikat awam terpilih yang tersenarai di bursa saham. Pada tahun ini, Kerajaan melepaskan sebahagian daripada asetnya bagi mengoptimumkan pulangan daripada hak milik asetnya yang bernilai tinggi dan untuk mencapai pengurusan fiskal yang lebih fleksibel. Pada masa yang sama, langkah ini memberi peluang kepada syarikat meningkatkan "apungan bebas" dan mudah tunai dengan pemegangan saham Kerajaan yang besar secara beransur-ansur dan seterusnya mendapat manfaat daripada dagangan dalam *Malaysia Securities Exchange Berhad*.

Perbelanjaan yang lebih tinggi daripada jangkaan pada tahun 2003 adalah disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang meningkat bagi meminimumkan kesan sampingan daripada perkembangan persekitaran global dan serantau yang kurang menggalakkan pada separuh pertama tahun 2003. Pakej ekonomi berjumlah RM7.3 bilion adalah bertujuan membendung kesan negatif daripada suasana tegang di Timur Tengah dan wabak Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (SARS) di rantau ini.

Kesan positif daripada langkah-langkah Pakej Strategi di samping faktor-faktor lain termasuk kadar faedah yang rendah, harga komoditi yang tinggi dan kedudukan aliran tunai syarikat yang semakin baik, mengukuhkan permintaan agregat dalam negeri. Berikutan permintaan luar negeri yang pulih, sumbangan sektor swasta terhadap pertumbuhan ekonomi meningkat 2.5 mata peratusan pada tahun 2003 (0.4% pada tahun 2002). Perbelanjaan penggunaan yang lebih kukuh dan pemulihan permintaan luar negeri menyokong aktiviti pelaburan yang lebih tinggi. Pelaburan sektor swasta pulih dengan mencatat pertumbuhan positif buat kali pertama semenjak tahun 2000.

Sementara perkembangan fiskal menyumbang kepada pertumbuhan KDNK, ia tidak memberi tekanan kepada harga pengguna dan kadar faedah dalam negeri. Berikutan kadar simpanan yang tinggi dalam keadaan lebihan mudah tunai dalam sistem perbankan, Kerajaan mengambil peluang membiayai defisit fiskal melalui sumber dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi. Terbitan baru SKM dengan tempoh matang 5 dan 10 tahun telah diterbitkan pada kadar kupon antara 3.702-3.917% dan antara 4.24-4.41% untuk tempoh matang 15 tahun, berikutan persekitaran kadar faedah yang rendah. Sebagai sebahagian daripada pengurusan hutang berhemat, Kerajaan melaksanakan langkah berhemat ke atas hutang luar negerinya. Pinjaman luar negeri dihadkan pada pengambilan keluar pinjaman terdahulu dan pembiayaan semula beberapa pinjaman pada kadar yang rendah, seterusnya dapat mengurangkan beban khidmat hutang pada masa hadapan.

Hutang Kerajaan Persekutuan mencakupi sebanyak 48.2% daripada KDNK pada akhir tahun 2003, sementara bayaran khidmat hutang kekal rendah pada kadar 14% daripada perbelanjaan mengurus atau 2.7% daripada KDNK. Di samping itu, hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan menurun pada tahun 2003 kepada 9.5% daripada KDNK (2002: 10.1%), menjadikan kedudukan hutang luar negeri Malaysia lebih baik.

Dasar fiskal terus menyokong pertumbuhan ekonomi pada tahun 2003. Meskipun operasi belanjawan terus mengembang, pengurusan fiskal tertumpu pada pemastian keseimbangan antara pengekalan pertumbuhan jangka masa terdekat dengan pencapaian konsolidasi fiskal.

Jadual 2.7
Kewangan Sektor Awam Disatukan

	2002	2003*a*	2004*r*
	RM juta		
Sektor kerajaan[1]			
Hasil	96,763	110,408	109,389
Perbelanjaan mengurus	75,450	84,809	88,538
Lebihan semasa sektor kerajaan	21,312	25,600	20,850
Lebihan semasa PABK[2]	45,324	44,627	41,890
Lebihan semasa sektor awam	**66,637**	**70,227**	**62,741**
% daripada KDNK	**18.5**	**17.9**	**15.0**
Perbelanjaan pembangunan bersih	69,125	71,951	66,687
Sektor kerajaan	*36,828*	*43,727*	*37,563*
PABK	*32,297*	*28,225*	*29,124*
Imbangan keseluruhan	**-2.488**	**-1,725**	**-3,946**
% daripada KDNK	**-0.7**	**-0.4**	**-0.9**

[1] Terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri, badan-badan berkanun dan kerajaan tempatan.
[2] Merujuk kepada 35 buah PABK pada tahun 2003 dan 2004.
a Anggaran
r Ramalan

Sumber: Kementerian Kewangan, kerajaan-kerajaan negeri dan perusahaan awam bukan kewangan

Jadual 2.8
Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2002	2003*a*	2004*d*
	RM juta		
Hasil	83,515	92,804	89,966
Perbelanjaan mengurus	68,699	75,224	79,642
Akaun semasa	**14,816**	**17,580**	**10,324**
% daripada KDNK	**4.1**	**4.5**	**2.5**
Perbelanjaan pembangunan bersih	35,069	38,508	29,084
Perbelanjaan pembangunan kasar	*35,977*	*39,353*	*29,960*
Tolak: Terimaan balik pinjaman	*908*	*845*	*876*
Imbangan keseluruhan	**-20,253**	**-20,928**	**-18,760**
% daripada KDNK	**-5.6**	**-5.3**	**-4.5**
Sumber-sumber pembiayaan:			
Peminjaman dalam negeri bersih	6,076	23,250	–
Peminjaman kasar	*18,000*	*41,850*	–
Tolak: Pembayaran balik	*11,924*	*18,600*	–
Peminjaman luar negeri bersih	8,019	-3,709	–
Peminjaman kasar	*10,465*	*3,144*	–
Tolak: Pembayaran balik	*2,446*	*6,853*	–
Penerimaan khas	62	0	–
Harta boleh jual[1] dan penyesuaian	6,096	1,387	–
Jumlah	**20,253**	**20,928**	**–**

[1] Termasuk perubahan dalam baki Tabung Amanah Kerajaan. Tanda campur (+) menunjukkan pengeluaran harta boleh jual terkumpul.
a Awalan
d Dipinda

Sumber: Kementerian Kewangan

Sektor Awam Yang Disatukan

Pada tahun 2003, sektor awam yang disatukan mencatat defisit keseluruhan yang lebih kecil iaitu sebanyak 0.4% daripada KDNK. Kedudukan yang bertambah baik berpunca daripada peningkatan prestasi hasil kerajaan awam dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK), di samping perbelanjaan pembangunan PABK yang lebih rendah. Perbelanjaan pembangunan kerajaan awam meningkat terutamanya untuk membiayai Pakej Ekonomi yang dilancarkan pada bulan Mei 2003 bagi mengurangkan kesan buruk ketidaktentuan ekonomi global dan kebimbangan mengenai ancaman kesihatan serantau terhadap aktiviti ekonomi dalam negeri.

Kewangan Kerajaan Persekutuan

Pada tahun 2003, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit keseluruhan sebanyak 5.3% daripada KDNK (2002: -5.6%), lebih tinggi daripada sasaran 4% yang ditetapkan dalam Bajet 2003. Peningkatan defisit ini disebabkan oleh perbelanjaan kitaran balas yang lebih tinggi dan respons yang proaktif terhadap risiko kemerosotan sektor swasta berikutan ketidaktentuan politik dunia dan SARS. Ancaman kelembapan sedunia pada separuh tahun pertama memaksa Kerajaan melaksanakan langkah-langkah pengembangan yang lebih kukuh untuk mempertahankan momentum pertumbuhan ekonomi. Di sebalik defisit fiskal yang lebih tinggi, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan kekal stabil sebanyak 48.2% daripada KDNK pada akhir tahun 2003. Perbelanjaan untuk perkhidmatan hutang juga kekal rendah dari segi perbelanjaan mengurus dan KDNK. Pada tahun tersebut, nisbah hutang luar negeri kepada KDNK menurun disebabkan sebahagian besar daripada pembiayaan dijana daripada sumber dalam negeri yang tidak menyebabkan inflasi.

Pada tahun 2003, **hasil** Kerajaan Persekutuan meningkat 11.1% kepada RM92.8 bilion, mencakupi 23.7% daripada KDNK. Prestasi hasil yang lebih baik pada tahun tersebut disebabkan oleh hasil bukan cukai yang meningkat dengan ketara, mencakupi bahagian yang lebih tinggi daripada jumlah hasil (30%). Hampir semua komponen mencatat

Graf 2.11



a Awalan

peningkatan penerimaan; perolehan pelaburan, lesen dan permit, royalti petroleum dan bayaran perkhidmatan. Perolehan pelaburan khususnya, adalah lebih tinggi disebabkan perolehan daripada penjualan saham Kerajaan dalam syarikat awam terpilih yang disenaraikan. Kerajaan menjual

Jadual 2.9
Hasil Kerajaan Persekutuan

	2002	2003*a*	2002	2003*a*
	RM juta		Perubahan tahunan (%)	
Hasil cukai	**66,860**	**64,891**	**8.7**	**-2.9**
% daripada KDNK	**18.5**	**16.6**		
Cukai langsung	44,351	43,016	5.4	-3.0
Cukai pendapatan	42,237	40,690	5.2	-3.7
Syarikat	*24,642*	*23,990*	*18.6*	*-2.6*
Petroleum	*7,636*	*8,466*	*-22.5*	*10.9*
Individu	*9,889*	*7,984*	*4.8*	*-19.3*
Lain-lain	*69*	*251*	*-1.4*	*263.5*
Cukai keuntungan harta tanah	319	264	40.7	-17.1
Duti setem	1,732	2,008	5.0	15.9
Lain-lain	63	53	-26.2	-15.9
Cukai tak langsung	22,509	21,875	16.1	-2.8
Duti eksport	803	1,157	-7.3	43.9
Duti import	3,668	3,919	14.9	6.9
Duti eksais	4,745	5,031	14.9	6.0
Cukai jualan	9,243	7,965	25.7	-13.8
Cukai perkhidmatan	2,214	2,038	14.9	-7.9
Lain-lain	1,836	1,765	-4.5	-3.8
Hasil bukan cukai	**16,655**	**27,913**	**-7.9**	**67.6**
Jumlah hasil	**83,515**	**92,804**	**5.0**	**11.1**
% daripada KDNK	**23.2**	**23.7**		

a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

sebahagian daripada asetnya untuk mendapatkan pulangan optimum daripada milikan aset bernilai tinggi di samping mencapai pengurusan fiskal yang lebih fleksibel.

Pungutan cukai menurun sedikit, iaitu sebanyak 2.9% (-RM2 bilion), disebabkan terutamanya oleh penerimaan cukai pendapatan dan cukai jualan barangan petroleum yang lebih rendah. Pungutan hasil cukai terjejas oleh kesan negatif perkembangan

Graf 2.12
Komposisi Hasil Kerajaan Persekutuan, 2003 (%)



geopolitik dan penularan wabak SARS terhadap aktiviti perniagaan. Faktor penyumbang lain termasuk insentif dan pengecualian cukai yang diperkenalkan dalam Bajet 2003 dan langkah-langkah yang diumumkan dalam Pakej Ekonomi pada bulan Mei. Inisiatif cukai tersebut termasuk penurunan kadar cukai PKS daripada 28% kepada 20% bagi pendapatan bercukai yang tertakluk hingga RM100,000 serta penangguhan pembayaran cukai berjadual bagi agensi pelancongan bermula 1 Jun hingga 31 Disember 2003. Kutipan cukai perniagaan yang lebih rendah juga disebabkan oleh pelaksanaan sistem taksiran cukai dalam tahun yang sama pada tahun 2000 dan pelaksanaan sistem taksiran sendiri pada tahun 2001. Oleh sebab syarikat-syarikat perniagaan terlebih membayar cukai dalam tempoh peralihan, lebihan tersebut telah ditolak daripada cukai yang dibayar pada tahun 2003. Sementara itu, cukai petroleum meningkat 10.9% disebabkan terutamanya oleh harga minyak mentah yang lebih tinggi.

Kutipan duti import dan eksais yang lebih tinggi mencerminkan permintaan dalam negeri yang lebih kukuh. Kutipan cukai tidak langsung lain seperti cukai jualan dan perkhidmatan pula adalah lebih rendah. Kutipan cukai jualan yang lebih rendah adalah disebabkan terutamanya oleh pengecualian cukai yang lebih tinggi bagi barangan petroleum. Pada tahun 2003, pengecualian cukai yang lebih tinggi diberikan kepada syarikat minyak bagi menstabilkan harga runcit barangan petroleum. Pada tahun yang sama, harga purata minyak mentah Malaysia meningkat kepada AS$30.30 setong berbanding AS$25.24 setong pada tahun 2002. Kemerosotan kutipan cukai perkhidmatan (-7.9%) disebabkan terutamanya oleh pengecualian cukai. Dalam subsektor restoran dan hotel, pengecualian cukai perkhidmatan diberikan bagi tempoh Jun hingga Disember 2003. Dalam Bajet 2003, pengecualian cukai diberikan kepada perkhidmatan penghantaran dan perkhidmatan profesional terpilih yang disediakan kepada syarikat dalam kumpulan yang sama.

Perbelanjaan kasar meningkat sebanyak 9.5% kepada RM114.6 bilion. Ini disebabkan oleh operasi bajet yang mengembang dan Pakej Ekonomi Kerajaan yang dilaksanakan pada bulan Mei bagi menyokong pertumbuhan dan mengukuhkan lagi kapasiti produktif jangka panjang ekonomi.

Perbelanjaan mengurus yang mencakupi dua pertiga daripada jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan meningkat 9.5% kepada RM75.2 bilion.

Jadual 2.10
Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Objek

	2002	2003*a*	2002	2003*a*
	RM juta		% bahagian	
Emolumen	20,242	21,721	29.5	28.9
Bekalan dan perkhidmatan	11,269	13,968	16.4	18.6
Pembelian harta	968	1,409	1.4	1.9
Bayaran khidmat hutang	9,669	10,546	14.1	14.0
Pencen dan ganjaran	5,134	5,870	7.5	7.8
Subsidi	3,677	2,679	5.4	3.6
Lain-lain pemberian dan pindahan[1]	15,949	16,324	23.2	21.7
Lain-lain perbelanjaan[2]	1,791	2,706	2.6	3.6
Jumlah	**68,699**	**75,224**	**100.0**	**100.0**
% daripada KDNK	**19.0**	**19.2**		

[1] Termasuk pemberian dan pindahan kepada kerajaan negeri serta agensi awam dan perusahaan.
[2] Termasuk pindahan kepada organisasi antarabangsa, tuntutan insurans dan pampasan dan lain-lain.
a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Jumlah bayaran gaji, iaitu komponen terbesar perbelanjaan mengurus (29%), meningkat disebabkan oleh pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia serta bayaran elaun kritikal secara bulanan kepada doktor dan kakitangan perubatan berikutan penularan wabak SARS. Walaupun bayaran khidmat hutang meningkat, bahagiannya kepada perbelanjaan mengurus stabil pada 14% (2002: 14.1%).

Perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan adalah lebih tinggi disebabkan oleh langkah-langkah peningkatan produktiviti dan kecekapan yang diperkenalkan (peningkatan perbelanjaan perkhidmatan profesional dan pembaikan kecil serta penyelenggaraan). Bayaran pindahan lain adalah lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh geran dan pindahan kepada agensi Kerajaan bagi tujuan pembangunan dan penyelenggaraan. Pada tahun 2003, bayaran subsidi adalah lebih rendah. Sebagai sebahagian daripada dasar Kerajaan untuk mengurangkan subsidi barangan petroleum, harga runcit petrol, diesel dan gas petroleum cecair (LPG) dinaikkan sebanyak dua sen berkuat kuasa mulai 1 Mac.

Pada tahun tersebut, **perbelanjaan pembangunan** kasar meningkat 9.4% kepada RM39.4 bilion. Sejumlah besar perbelanjaan disalurkan kepada sektor perkhidmatan sosial dan ekonomi (80%).

Seperti tahun-tahun sebelumnya, pembangunan sumber manusia menjadi teras perbelanjaan pembangunan. Pada tahun 2003, perbelanjaan pendidikan dan latihan terus menjadi komponen terbesar perbelanjaan pembangunan (26% daripada

Jadual 2.11
Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor

	2002	2003*a*	2002	2003*a*
	RM juta		% bahagian	
Pertahanan dan keselamatan	4,333	6,026	12.0	15.3
Perkhidmatan ekonomi	12,433	13,799	34.6	35.0
Pertanian dan pembangunan luar bandar	1,364	1,621	3.8	4.1
Perdagangan dan industri	3,474	3,463	9.7	8.8
Pengangkutan	5,401	7,354	15.0	18.7
Kemudahan awam	1,808	920	5.0	2.3
Lain-lain	387	442	1.1	1.1
Perkhidmatan sosial	18,043	17,704	50.2	45.0
Pendidikan	12,436	10,194	34.6	25.9
Kesihatan	1,503	2,684	4.2	6.8
Perumahan	1,808	1,928	5.0	4.9
Lain-lain	2,296	2,897	6.4	7.4
Pentadbiran am	1,168	1,824	3.2	4.6
Jumlah	**35,977**	**39,353**	**100.0**	**100.0**
% daripada KDNK	**10.0**	**10.0**		

Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.
a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

jumlah). Perbelanjaan disalurkan terutamanya kepada pembinaan dan penaikan taraf sekolah, pusat matrikulasi, politeknik dan institusi pendidikan tinggi lain, serta program pengkomputeran dan pembelian alat bantu mengajar. Sementara itu, pembinaan hospital baru dan penaikan taraf hospital sedia ada, klinik kesihatan dan luar bandar merupakan faktor utama peningkatan perbelanjaan kesihatan. Perbelanjaan perumahan juga meningkat berikutan pelaksanaan program perumahan yang berterusan oleh Kerajaan untuk kakitangan awam dan kumpulan berpendapatan rendah. Kerajaan turut meningkatkan perbelanjaan perkhidmatan sosial dan komuniti, terutamanya bagi program belia, projek kecil di kawasan perumahan tempatan baru, kerja-kerja pembangunan di Putrajaya dan Cyberjaya serta pembelian kenderaan untuk kerja-kerja komuniti.

Dalam sektor perkhidmatan ekonomi, jumlah yang lebih besar dibelanjakan untuk pengangkutan, terutamanya bagi pembinaan jalan raya dan jambatan baru, penaikan taraf jalan raya sedia ada, serta peningkatan kapasiti sistem kereta api, pelabuhan dan lapangan terbang. Perbelanjaan subsektor perdagangan dan industri ditumpukan pada penyediaan kemudahan infrastruktur, promosi industri kecil dan sederhana (IKS), penyelidikan industri, pembangunan teknologi dan promosi pelancongan. Di bawah Pakej Ekonomi yang diumumkan pada bulan Mei, sejumlah RM500 juta diperuntukkan dalam bentuk ekuiti kepada institusi kewangan pembangunan (IKP). Ia bertujuan menyokong usaha IKP dalam menyediakan pembiayaan kepada peniaga kecil. Perbelanjaan pertanian dan pembangunan luar bandar kekal tinggi, mencerminkan projek pengawalan banjir dan program modenisasi berterusan yang melibatkan pembinaan dan penaikan taraf kemudahan infrastruktur seperti jalan raya luar bandar, jaringan bekalan air dan elektrik.

Peningkatan perbelanjaan pentadbiran am adalah terutamanya untuk pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi di pelbagai agensi Kerajaan bagi meningkatkan lagi kualiti dan penyerahan perkhidmatan. Perbelanjaan pertahanan dan keselamatan dalam negeri adalah terutamanya untuk program pemodenan pasukan polis dan angkatan tentera.

Pada akhir tahun 2003, jumlah **hutang** terkumpul Kerajaan Persekutuan meningkat 14.4% kepada RM188.8 bilion atau 48.2% daripada KDNK. Pada akhir tahun 2003, pinjaman yang lebih tinggi daripada pasaran dalam negeri menyebabkan hutang dalam negeri terkumpul meningkat kepada RM151.5 bilion atau 38.6% daripada KDNK (35.7% daripada KDNK pada tahun 2002). Sebahagian besar daripada keperluan pembiayaan Kerajaan (93%) dibiayai oleh sumber dalam negeri. Pinjaman luar negeri adalah terhad kepada penggunaan pinjaman, sementara beberapa pinjaman luar negeri dibiayai semula bagi mengambil peluang daripada tebaran yang ketat berikutan peningkatan dalam penarafan Malaysia. Secara keseluruhan, persekitaran kadar faedah yang rendah membolehkan Kerajaan

Jadual 2.12
Hutang Terkumpul Kerajaan Persekutuan

	Perubahan tahunan		Pada akhir 2003*a*
	2002	2003*a*	
	Nilai nominal dalam RM juta		
Hutang dalam negeri	**7,284**	**22,803**	**151,483**
Bil Perbendaharaan	0	0	4,320
Terbitan Pelaburan Kerajaan	1,000	2,000	7,000
Sekuriti Kerajaan Malaysia	6,100	21,250	130,800
Tabung Pinjaman Perumahan Perbendaharaan	1,180	2,628	9,363
Pinjaman pasaran	-996	-3,075	0
Hutang luar negeri	**11,955**	**1,001**	**37,284**
Pinjaman pasaran	10,992	-485	28,189
Pinjaman projek	963	1,486	9,095
Jumlah	**19,239**	**23,804**	**188,767**
% daripada KDNK			**48.2**

a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan

Graf 2.13
Hutang Kerajaan Persekutuan yang belum dijelaskan pada akhir tahun 2003*a* (% bahagian)



a Awalan

Jumlah hutang : RM188.8 bilion
Dalam negeri : RM151.5 bilion
Luar negeri : RM37.3 bilion

Jadual 2.13
Milikan Hutang Dalam Negeri Kerajaan Persekutuan

	2002	2003*a*	2002	2003*a*
	Nilai nominal dalam RM juta		% bahagian	
Bil Perbendaharaan	**4,320**	**4,320**	**100.0**	**100.0**
Syarikat insurans	65	67	1.5	1.6
Sektor perbankan	3,744	3,266	86.7	75.6
Lain-lain	512	986	11.8	22.8
Terbitan Pelaburan Kerajaan	**5,000**	**7,000**	**100.0**	**100.0**
Syarikat insurans	320	390	6.4	5.6
Sektor perbankan	4,680	6,611	93.6	94.4
Sekuriti Kerajaan Malaysia	**109,550**	**130,800**	**100.0**	**100.0**
Institusi keselamatan sosial dan insurans	85,325	99,260	77.9	75.9
di antaranya:				
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	*72,980*	*84,678*	*66.6*	*64.7*
Syarikat insurans	*9,313*	*11,597*	*8.5*	*8.9*
Sektor perbankan	14,629	19,008	13.4	14.5
Lain-lain	9,597	12,532	8.8	9.6

Angka-angka tidak semestinya sejumlah disebabkan oleh penggenapan.
a Awalan

memperoleh dana pada kos yang lebih rendah dan seterusnya meminimumkan bayaran khidmat hutang pada masa hadapan. Terbitan sekuriti Kerajaan yang berterusan dalam pasaran dalam negeri turut membantu mewujudkan penanda aras keluk kadar hasil yang reflektif di samping meningkatkan kedalaman pasaran bon.

Pada tahun 2003, pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan berjumlah RM45 bilion berbanding RM28.5 bilion pada tahun sebelumnya. Dana kasar yang diperoleh dengan lebih tinggi adalah bagi membiayai defisit fiskal dan pelaburan semula hutang yang matang. **Pinjaman bersih** Kerajaan Persekutuan meningkat kepada RM19.5 bilion daripada RM14.1 bilion pada tahun 2002. Berikutan hasil yang lebih daripada mencukupi untuk membiayai perbelanjaan mengurus, dana bersih yang diperoleh digunakan hanya untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Pada tahun ini, Tabung Pinjaman Perumahan Perbendaharaan mencatatkan pinjaman bersih bagi memenuhi permintaan pinjaman perumahan yang lebih tinggi oleh kakitangan awam.

Kadar tabungan dalam negeri yang lebih tinggi di samping mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan membolehkan keperluan pembiayaan Kerajaan Persekutuan diperoleh daripada **pasaran dalam negeri** tanpa meminggirkan pembiayaan kepada sektor swasta. Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) yang bertempoh matang 5 dan 10 tahun diterbitkan pada kadar kupon antara 3.702-3.917% (3.15-4.053% bagi dana yang diperoleh pada tahun 2002) dan antara 4.24-4.41% bagi dana bertempoh matang 15 tahun. Pada tahun 2002, SKM bertempoh matang 15 tahun tidak diterbitkan.

Pada tahun ini, Kerajaan Persekutuan mengapungkan 12 terbitan SKM dengan nilai RM39.9 bilion secara tender terbuka menerusi peniaga utama dan tawaran persendirian serta menerbitkan hanya satu Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK) berjumlah RM2 bilion. Kerajaan membuka semula lapan daripada terbitan SKM konvensional yang sedia ada untuk menambah saiz terbitan masing-masing dan meningkatkan kecairan bagi membangunkan pasaran kedua. Penerbitan Bil Perbendaharaan (BP) membantu pelaburan semula bil-bil yang matang. Penerbitan SKM terus diserap terutamanya oleh dana wang simpanan, pencen dan insurans (76% daripada jumlah SKM terkumpul), sementara TPK dan BP pula diserap terutamanya oleh sektor perbankan (masing-masing 94% dan 76% daripada jumlah terkumpul). Sesudah mengambil kira pembayaran semula, pinjaman bersih Kerajaan Persekutuan pada akhir tahun 2003 berjumlah RM23.3 bilion.

Bagi membendung kos perkhidmatan hutang dan mengurangkan pendedahan kepada risiko luaran, Kerajaan mengekalkan **hutang luar negeri** pada paras yang rendah pada tahun 2003 dengan membuat prabayaran dan membiayai semula beberapa pinjaman sedia ada. Dalam hal ini, pinjaman luar negeri yang baru terhad kepada pinjaman projek yang terdahulu. Sejumlah RM1.7 bilion adalah pengeluaran pinjaman daripada sumber dua hala, terutamanya dari Jepun di bawah Inisiatif Miyazawa Baru selain daripada sumber pelbagai hala. Sejajar

dengan falsafah pentadbiran hutang yang berhemat, Kerajaan membiayai semula beberapa pinjaman bertempoh dan bersindiket yang sedia ada untuk mengambil peluang daripada tebaran yang ketat. Pada bulan Januari, satu Pinjaman Bertempoh berjumlah ¥1.4 billion yang bakal matang pada tahun 2006 telah diperoleh pada kadar Libor + 57.5 mata asas. Ia bertujuan membiayai semula satu Pinjaman Bertempoh pada 3.17% berjumlah ¥4.1 bilion yang bakal matang pada tahun 2006. Pada bulan Mac, Kerajaan membiayai semula satu pinjaman bersindiket dalam dua denominasi mata wang, iaitu AS$250 juta dan ¥54 bilion pada margin yang lebih rendah, Libor + 38 mata asas (sebelumnya, Libor + 125 mata asas). Pada bulan Disember, satu lagi pinjaman bersindiket dalam dua denominasi mata wang sebanyak AS$1.25 bilion dan ¥11.6 bilion dilaburkan semula dengan tebaran yang lebih ketat sebanyak 33 mata asas (daripada 52 mata asas). Pada tahun ini, Kerajaan turut membuat prabayaran berjumlah AS$433 juta untuk dua daripada pinjaman luarnya, iaitu Nota Kadar Terapung yang bakal matang pada tahun 2005 dan pinjaman bersindiket yang bakal matang pada tahun 2005/07. Secara keseluruhan, Kerajaan Persekutuan mencatat pembayaran balik bersih sebanyak RM3.7 bilion pada tahun 2003. Pada tahun ini, di samping kerugian daripada penilaian semula kadar tukaran asing, pengelasan semula satu pinjaman bersindiket dalam negeri dalam denominasi mata wang asing di Pusat Kewangan Pesisir Luar Antarabangsa Labuan sebagai hutang luar negeri menyebabkan hutang luar negeri meningkat sedikit. Walau bagaimanapun, langkah Kerajaan mengehadkan pinjaman luar negeri dan usaha membuat prabayaran telah menurunkan bahagian hutang luar negeri terkumpul kepada 9.5% daripada KDNK (10.1% daripada KDNK pada tahun 2002).

Perbelanjaan khidmat hutang kekal pada tahap berhemat. Caj hutang sebagai peratusan perbelanjaan mengurus, hasil dan KDNK masing-masing kekal rendah pada 14%, 11.4% dan 2.7% pada tahun 2003 (2002: masing-masing pada 14.1%, 11.6% dan 2.7%). Pada tahun 2003, nisbah khidmat hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan juga kekal rendah pada 1.3% (2002: 1%), sementara pendedahan asing menurun untuk mencakupi 20% daripada jumlah hutang terkumpul (2002: 22%). Pengurusan hutang yang proaktif dan mantap membolehkan Kerajaan menghindari pembayaran balik kebanyakan pinjaman pada masa yang sama. Pada akhir tahun 2003, kira-kira 60% daripada pinjaman terkumpul mempunyai tempoh matang melebihi tiga tahun dan kebanyakannya pada kadar faedah tetap, seterusnya mengurangkan pendedahan terhadap ketidaktentuan kadar faedah.

Kerajaan Negeri

Berdasarkan anggaran awal, kedudukan kewangan kerajaan negeri yang disatukan mencatat defisit keseluruhan yang kecil sebanyak 0.6% daripada KDNK pada tahun 2003. Pada tahun tersebut, perbelanjaan mengurus dan pembangunan meningkat, sementara prestasi hasil kekal kukuh. Defisit keseluruhan dibiayai melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan dan pengeluaran aset kewangan kerajaan negeri yang terkumpul.

Pada tahun tersebut, peningkatan hasil kerajaan negeri yang disatukan berpunca daripada sumber negeri. Harga komoditi yang lebih tinggi terutamanya minyak mentah dan minyak sawit mentah memberi kesan positif terhadap sumber negeri, iaitu dalam bentuk royalti petroleum dan cukai jualan minyak sawit mentah. Sementara itu, penerimaan daripada Kerajaan Persekutuan terus diperoleh bagi membantu penyediaan infrastruktur, utiliti dan kemudahan penting lain. Peningkatan perbelanjaan mengurus dicerminkan oleh pembayaran gaji yang lebih tinggi berikutan pelaksanaan Sistem Saraan Malaysia kepada kakitangan awam di samping perolehan aset untuk

Jadual 2.14
Kewangan Kerajaan Negeri Yang Disatukan

	2002	2003*a*	Bajet 2004
	RM juta		
Hasil	8,341	8,787	9,676
Sumber-sumber negeri	*6,239*	*6,729*	*7,120*
Pemberian dan pindahan Persekutuan	*2,102*	*2,058*	*2,556*
Perbelanjaan	5,090	6,009	6,397
Lebihan semasa	**3,251**	**2,778**	**3,278**
% daripada KDNK	**0.9**	**0.7**	**0.8**
Perbelanjaan pembangunan	3,772	4,973	4,595
Perbelanjaan pembangunan kasar	*4,161*	*5,503*	*4,756*
Tolak: Bayaran balik pinjaman	*389*	*530*	*161*
Imbangan keseluruhan	**-520**	**-2,196**	**-1,316**
% daripada KDNK	**-0.1**	**-0.6**	**-0.3**
Sumber-sumber pembiayaan:			
Pinjaman Persekutuan	752	773	496
Harta boleh jual[1]	-231	1,423	821
Jumlah	**520**	**2,196**	**1,316**

[1] Tanda campur (+) menunjukkan pengeluaran harta boleh jual terkumpul.
a Anggaran

Sumber: Kerajaan-kerajaan negeri

meningkatkan kecekapan dalam serahan perkhidmatan. Sebahagian besar daripada perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi adalah untuk penambahan dan penaikan taraf kemudahan awam, perumahan, pertanian serta pembangunan luar bandar dan industri.

Perusahaan Awam Bukan Kewangan

Anggaran awal kedudukan kewangan yang disatukan bagi 35 buah PABK menunjukkan lebihan keseluruhan yang lebih tinggi (4.4% daripada KDNK). Peningkatan ini disebabkan oleh hasil yang meningkat dan perbelanjaan pembangunan yang lebih rendah dengan siapnya beberapa projek besar serta pengutamaan semula projek yang dirancang.

Hasil keseluruhan PABK yang lebih tinggi mencerminkan perolehan yang meningkat daripada sektor perkhidmatan berkaitan minyak dan gas, utiliti dan sektor berasaskan pertanian. Sektor-sektor ini mendapat faedah daripada aktiviti ekonomi yang lebih baik dan harga komoditi yang meningkat, terutamanya minyak mentah. Perolehan yang ketara juga dicatat daripada operasi luar negeri. Perbelanjaan mengurus yang lebih tinggi disebabkan oleh kos bahan mentah yang meningkat, terutamanya minyak mentah dan minyak pembakar, serta langkah-langkah yang diambil bagi meningkatkan perkhidmatan termasuk penaikan taraf teknologi.

Perbelanjaan modal PABK disalur untuk pengembangan kapasiti dalam dan luar negeri. Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) terus melabur dalam projek cari gali dan pengeluaran di Malaysia dan luar negeri seperti di Mesir, Sudan dan Vietnam. Sejumlah besar perbelanjaan adalah untuk Perjanjian Perkongsian Pengeluaran dalam negeri. Projek-projek lain termasuk pembinaan peringkat akhir Loji Gas Asli Cecair Malaysia Tiga (MLNG Tiga) dan penerusan pembinaan kapal tangki gas asli cecair dan petroleum. Bagi Tenaga Nasional Berhad, perbelanjaan ditumpukan pada penjanaan kapasiti dan jaringan penghantaran. Perbelanjaan utama termasuk pembinaan Fasa I Jana kuasa Kitar Padu di Port Dickson dan Penyambungan Grid Timur Barat di Sabah. Sejumlah besar perbelanjaan pembangunan Telekom Malaysia Berhad tertumpu pada penaikan taraf dan pengembangan kapasiti bagi memperbaiki infrastruktur telekomunikasi dan perkhidmatan. Projek yang dilaksanakan termasuk jaringan kabel dasar laut yang menghubungkan rantau Asia Pasifik, Fasa VI projek *Digitaline II* bagi membantu penghantaran data perniagaan dan projek *Corporate Information Network Superhighway* Kerajaan bagi menyokong pelbagai aplikasi berkaitan teknologi maklumat dalam perniagaan.

Jadual 2.15
Senarai PABK, 2003[1]

1	1st Silicon (Malaysia) Sdn. Bhd.
2	Bintulu Port Sdn. Bhd.
3	Cement Industries (Sabah) Sdn. Bhd.
4	Central Spectrum (M) Sdn. Bhd.
5	Felda Agricultural Services Sdn. Bhd.
6	Golden Hope Plantations Bhd.
7	Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.
8	Keretapi Tanah Melayu Bhd.
9	Kontena Nasional Bhd.
10	Kuching Port Authority
11	Kulim (Malaysia) Bhd.
12	Kumpulan Guthrie Bhd.
13	MA (Sepang) Sdn. Bhd.
14	Malaysia Airline System Bhd.
15	Malaysia Airports Sdn. Bhd.
16	Marconi (Malaysia) Sdn. Bhd.
17	Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.
18	Northport (Malaysia) Bhd.
19	Penang Port Sdn. Bhd.
20	Penerbangan Malaysia Bhd.
21	Petroliam Nasional Bhd.
22	PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd.
23	Rakyat Berjaya Sdn. Bhd.
24	Sabah Energy Corporation Sdn. Bhd.
25	Sabah Ports Sdn. Bhd.
26	Sarawak Electricity Supply Corporation
27	Sebor (Sabah) Sdn. Bhd.
28	Sergam Bhd.
29	Silterra Malaysia Sdn. Bhd.
30	Sinora Sdn. Bhd.
31	Syarikat Prasarana Negara Bhd.
32	Telekom Malaysia Bhd.
33	Tenaga Nasional Bhd.
34	TH Plantations Sdn. Bhd.
35	UDA Holdings Bhd.

[1] Pada tahun 2003, senarai PABK untuk tujuan pemantauan dan laporan telah disemak semula. PABK didefinisikan sebagai syarikat yang dipegang dengan sekurang-kurangnya 51 peratus ekuiti oleh Kerajaan dan mempunyai pulangan jualan sekurang-kurangnya RM100 juta atau mempunyai kesan yang nyata kepada ekonomi termasuk keperluan pinjaman dan perbelanjaan modal yang tinggi.

Jadual 2.16
Kewangan PABK yang Disatukan[1]

	2001	2002	2003*a*
	RM juta		
Hasil	105,075	126,562	149,970
Perbelanjaan semasa	65,392	80,951	104,556
Akaun semasa	**39,683**	**45,611**	**45,414**
% daripada KDNK	**11.9**	**12.6**	**11.6**
Perbelanjaan pembangunan[2]	24,033	32,297	28,225
Imbangan keseluruhan	**15,651**	**13,313**	**17,188**
% daripada KDNK	**4.7**	**3.7**	**4.4**

[1] Merujuk kepada 35 buah PABK pada tahun 2003.
[2] Termasuk geran-geran daripada Kerajaan Persekutuan.
a Anggaran

Sumber: Kementerian Kewangan dan perusahaan awam bukan kewangan